

23 FEB 1997

Sultan-Multimedia

SULTAN SYOR ADAKAN KORIDOR MINI MULTIMEDIA DI KEDAH

ALOR SETAR, 23 Feb (Bernama) -- Sultan Kedah hari ini menyarankan supaya kerajaan negeri mewujudkan Koridor Mini Multimedia di negeri ini seiringan dengan usaha kerajaan pusat membangunkan Koridor Raya Multimedia (MSC).

Baginda bertitah kerajaan negeri pimpinan Menteri Besar Datuk Seri Sanusi Junid perlu memberi perhatian khas kepada usaha-usaha yang dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi mewujudkan MSC dalam mengejar arus perkembangan teknologi maklumat.

"Beta berharap langkah-langkah awal diambil dari sekarang bagi mewujudkan Koridor Mini Multimedia di negeri ini agar kita tidak ketinggalan," titah baginda pada istiadat penganugerahan darjah kebesaran, bintang dan pingat sempena ulang tahun keputeraan ke-69 baginda hari ini.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali turut hadir pada majlis itu, yang berlangsung di Istana Anak Bukit, di sini.

Baginda turut mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri yang telah memberi tumpuan khas kepada pembangunan negeri ini.

Sementara mengucapkan tahniah kepada Sanusi yang merangka strategi pembangunan yang seimbang bagi negeri dengan menitik beratkan pembangunan insan tanpa mengurangkan perhatian kepada kemajuan ekonomi, Sultan Kedah berharap Bumiputera tidak terpinggir dalam usaha mengejar arus pembangunan.

Bagaimanapun, baginda berkeyakinan bahawa kerajaan pimpinan Sanusi akan memberi keutamaan kepada aspek itu seperti yang digariskan dalam Pelan Tindakan Pembangunan Kedah.

Sultan Kedah menyarankan supaya kerajaan negeri mewujudkan aktiviti hiliran yang lebih banyak di daerah-daerah yang selama ini dikaitkan dengan kemiskinan, seperti Sik, Baling, Bandar Baharu dan Padang Terap.

Titah baginda, dengan adanya kegiatan ekonomi, daerah-daerah itu diharap dapat membangun sebagai pusat pertumbuhan sendiri tanpa perlu bergantung kepada kawasan lain.

Baginda turut mengucapkan syabas kepada kerajaan negeri yang bersungguh-sungguh menegakkan syiar Islam dengan pelbagai aktiviti ke arah mengembalikan keagungan Islam.

Baginda berharap aktiviti mengimarahkan masjid yang mencangkupi program pendidikan, pusat agihan daging korban, riadah dan mengulang kaji pelajaran dapat mengembalikan fungsi masjid sebagai pusat pelbagai kegiatan umat Islam dan bukan sekadar tempat beribadat semata-mata.

Terdahulu itu dalam ucapannya, Sanusi berkata sektor industri dikenal pasti sebagai penjana kepada pertumbuhan ekonomi dan peralihan struktur ekonomi negeri ini.

Sektor itu, jelasnya, diramal mencatat kadar pertumbuhan sebanyak 12.5 peratus setahun.

Menyedari bahawa Kedah tidak dapat terlepas daripada belenggu kemiskinan sekiranya ia terus bergantung kepada sektor pertanian, Sanusi berkata kerajaan negeri memberi perhatian kepada perindustrian dengan pelbagai kemudahan termasuk membangunkan kawasan-kawasan perindustrian di Kulim, Sungai Petani, Bukit Kayu Hitam dan Alor Setar.

Menurutnya dengan peralihan kepada pelbagai sektor selain pertanian, peratusan keluarga termiskin di negeri ini dijangka dapat dikurangkan kepada lapan peratus pada tahun 2000.

Dalam sektor pelancongan, Sanusi berkata kerajaan negeri akan mengeksplotasikan segala sumber alam seperti pulau, flora dan fauna,

hutan, bukit, gunung, gua dan batu untuk kegiatan ekonomi dan ekonomi pelancongan.

Katanya, sejarah negeri juga akan digunakan untuk memperkenalkan Kedah ke seluruh dunia.

Menurutnya kecemerlangan dalam bidang pendidikan juga menjadi sasaran utama kerajaan negeri kerana ia percaya semua matlamat dan cita-cita untuk membangunkan Kedah tidak akan tercapai jika penekanan tidak diberi kepada pendidikan.

Katanya selain memberikan galakan kepada pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik, kerajaan negeri dengan kerjasama kerajaan pusat akan menubuhkan lebih banyak institusi pengajian tinggi di Kedah, termasuk di Baling dan Kulim selain di Pulau Tuba, Langkawi.

Menurutnya kerajaan negeri sedangewartakan seluruh Pulau Tuba seluas 1,900 hektar sebagai "Pulau Universiti" berikutan rancangan membangunkan "Langkawi International Universiti of Tomorrow"

Sebelum istiadat itu, Sultan Kedah memeriksa perbarisan kawalan kehormatan di Medan Bandar, berhadapan Balai Besar.

-- BERNAMA

IQ MFJ AHH